

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-6

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN: SOLIDARITAS DALAM KEPELBAGAIAN


DAN MEREKA BERDUYUN-DUYUN MENDEKATINYA

Seringkali, kita terlupa bahawa Yesus dikenali orang ramai pada zamanNya walaupun dia tidak hidup dalam kemasyhuran. Di dunia hari ini, adalah satu kesukaran untuk kita mencari seseorang yang mengalami pencapaian besar tetapi tidak inginkan kemasyhuran. Yang menjadi kepastiannya: "Saya menunjukkan karya-karya saya, awak menghormati saya". Bukankah ini kebiasaan? Namun setelah mendengar dan melihat Yesus, orang ramai inginkan lebih daripada-Nya – satu lagi penyembuhan, satu lagi keajaiban, sepatah dua kata atau sekadar keseronokan di hati kerana 'dilayan' oleh seorang yang luar biasa.



AYAT KITAB SUCI MINGGU INI:

"Aku akan bersorak-sorak dan bersukacita karena kasih setia-Mu, sebab Engkau telah menilik sengsaraku, telah memperhatikan kesesakan jiwaku"

(Mazmur 31, 7)

Bahkan orang Yahudi, yang mengenali para nabi yang terkenal, tidak pernah melihat seseorang sepertiNya. Tetapi bagi Yesus, segala yang dilakukanNya, ia bukan untuk kemasyhuran atau kemuliaan peribadi. Ini adalah sifat kasih sayang Yesus, AKULAH yang Agung! Kasih sayangNya tulus dan bersifat pengorbanan, selalu ditujukan kepada kebaikan orang lain. Namun, pada saat-saat terakhir hayatNya, ketika Dia digantung di kayu salib, kepujian orang ramai tidak kedengaran, dan kemasyhuranNya tidak kelihatan. Kekaguman dan kasih sayang terhadapNya lesap di udara.

Jarangkah kita, bersikap sama seperti orang-orang Yahudi pada zaman Yesus? Ketika kehidupan kita berjalan lancar, kami berasa puas dan gembira. Tetapi apabila keadaan menjadi sebaliknya, kita cepat menyalahkan orang lain, kadang-kadang, sampaikan menyalahkan Tuhan. Sudah tentu ia lebih mudah untuk menyalahkan orang lain. Walaupun kita sedar akan panggilan daripada Yesus untuk berdoa, bersikap rendah hati dan tidak melemparkan penghakiman, semua ini sukar dipatuhi. Amalan seharian sudah menjadi kebiasaan, dan kebiasaan itu sudah membentuk watak kita. Akhirnya, menyalahkan Tuhan, melemparkan penghakiman terhadap orang lain dan meninggikan diri sendiri menjadi tonggak kehidupan seharian. Malah, kita melangkah lebih mendalam: "Saya lebih baik daripada dia" atau "Saya selalu betul". Ini boleh menjadi 'akidah' yang kita lafazkan dalam kehidupan seharian kita.

Ketika seluruh dunia merayakan Hari Valentine pada hari ini, Yesus mengingatkan kita lagi mengenai makna kasih sayang yang sebenarnya. Ia adalah menanamkan semangat rendah hati dan taat kepadaNya. Santo Paulus menerangkan kebaikan memiliki sikap sedemikian terhadap Tuhan, 'Berbahagialah mereka yang Tuhan tidak menebus dosa, dan dalam rohnya, tidak ada tipu helah'. Peringatan Yesus tepat pada masanya apabila Dia meminta kita tidak mengambil peduli akan kemasyhuran duniawi, populariti atau reputasi tetapi berpegang teguh dengan kesabaran perjalanan keimanan kita. Kerana inilah kebenaran kasih sayang sejati yang Yesus mengajari kepada kita - kasih sayang yang berpaut dengan pengorbanan diri untuk yang lain. ✚

AYAT SUCI MINGGU INI

Imamat 13, 1-2.
44-46;

Mazmur 31, 1-2. 5. 11;

1 Korintus 10,
31 - 11, 1;

Markus 1, 40-45.

GEREJA GOOD SHEPHERD, SETAPAK

Alamat: 8, Jalan Air Puteh, Taman Air Panas, Setapak, 53200 Kuala Lumpur
Paderi Paroki: Rev Fr Christopher W Soosaipillai (H/P 012-2184064) cwsoosai@gmail.com
Paderi bersama: Rev Fr Ferdinand Magimay
Tel: 03-48216332; Emel: gscsetapak1964@gmail.com Website: www.goodshepherdkl.org

SESI, MESYUARAT AKAN DATANG 2020

Februari 2021

SEMUA SESI, MESYUARAT
DIBATALKAN SEHINGGA
MAKLUMAN LANJUT!!

13 Tahun Baru Cina
14 Minggu Biasa ke-6
14 Hari P'kahwinan
Sedunia
17 Rabu Abu
21 Prapaska Pertama
28 Prapaska ke-2

Berminat Melayani dalam Ministri?

**Street Shepherd Outreach
(SSO)**

Stanley (017-39319750) &
Sharom (012-3111251)

Ministri Migran

Bernie Chin/Pat Khan
(012-3907981)

Ministri Orang Asli

Carrol Lawrence (012-4300616)

Ministri Orang Miskin

Nicholas Anthony (012-
6870905)

Ministri Penjara

Michael Yap (012-3993096)

Women's Desk

Andrea Fernandez
(012-3079844)

Evergreens GSC

Desmond Nathan (012-
2017210)

Family Life

Nicholas Doshi & Angie
018-2844936

TONTONI 'FORMED'

Ibu bapa & umat lain
disarankan untuk
download aplikasi
"FORMED" untuk melihat
movie-movie yang baik,
formasi, sesi, dan
sebagainya untuk
pertumbuhan iman. Kod
Paroki kita ialah **JG2JDZ**.

TIADA PENERBITAN HERALD

...sehingga notis lanjut.
Herald secara online:
www.heraldmalaysia.com

+ PSALTER: WEEK 1+

SIARAN LANGSUNG PERAYAAN MISA K/AGUNG KL
melalui pautan: Live.Mass.ArchKL.org

• **SABTU (13 Feb) – Minggu Biasa ke-6 (B)**
o 6.00pm (English) Misa Senja

• **AHAD (14 Feb) - Minggu Biasa ke-6 (B)**

- o 8.30am (Tamil)
- o 9.00am (English)
- o 11.15am (Mandarin)
- o 12.00 t/hari (BM) dari GSC

• **Isn, Sel, Kha, Jum (15, 16, 18, 19 Feb)**

- o 1.00pm (English)

• **SABTU (20 Feb) – Minggu Pertama Prapaska**

- o 6.00pm (English) Misa Senja

RABU ABU – 17 FEB

7.00am Misa (E)
1.00pm Misa (E)
8.00pm Misa (BM)

KEMPEN PRAPASKA AOHD – BECAT

17 FEBRUARI – 4 APRIL, 2021

KEMPEN PRAPASKA PIHD-BECOT 2021

Minggu 1 17-21 Feb	Minggu 2 22-28 Feb	Minggu 3 1-7 Mac	Minggu 4 8-14 Mac
 Berlutut Bersama di dalam Doa ✓ Rosari ✓ Jalan Salib ✓ Renungan Alkitab ✓ Berdoa Bersama	 Pastikan Tiada Sesiapa Tidur dalam Kelaparan ✓ Memberi makanan kepada orang miskin & memerlukan ✓ Membantu bank makanan ✓ Menghantar makanan dari penderma	 Bumi untuk Keperluan Manusia bukan untuk Ketamakan ✓ Lakukan '6R' ✓ Penjimatan tenaga ✓ Inisiatif tanpa-sisa buangan	 Mengenal Bahawa Bukan Semua Luka Kelihatan ✓ Pendengar yang memberi perhatian ✓ Luangkan masa anda ✓ Tunjukkan keprihatinan
17 Feb – Pautan Website lent.aohd.org Pemberkatan oleh AB Julian Leow Kampem Prapaska Online: Ajaran Sosial Katolik	28 Feb – Tayangan Perdana Video @ 8 malam TV.ArchKL.org Menjangkau Orang Miskin; Penyediaan Makanan Lestari	7 Mac – Google Meet/LIVE @ 8 malam lent.aohd.org Melindungi Ciptaan: Kesedaran Pemeliharaan – Sesi Bersama Artis yang Menyokong	10 Mac – Google Meet/LIVE @ 8 malam lent.aohd.org Kesihatan Mental: Sesi Berbulat & Kampem Tandatangan secara Online

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2021 13 Feb (Sabtu) - 10 pagi (Massa Dalam Talian GSC)

Semoga Damai, Cinta dan Kegembiraan Tuhan ditunjukkan dalam Tahun Baru 2021 ini. ~ Fr Chris / Fr Ferdi
Ambil perhatian!

"Persidangan Para Uskup (bertarikh 10 Januari 2021) memberikan pengecualian dari pantang kepada semua umat yang merayakan Tahun Baru Cina dengan cara apa pun pada tiga hari Jumaat, iaitu: 12, 19 & 26 Februari. Walau bagaimanapun, semua diminta berpuasa dan berpantang biasa untuk Rabu Abu pada 17 Feb (2021)."
(Notis Chancery: 03/02/2021)

TEMA 2021: HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

Februari: "Solidaritas dalam Kepelbagaian"

Pengerusi PPC: Andrea Fernandez (012-4212082)
Pengerusi PFC: Richard Tan (012-3199705)
Penyelaras BECAT: Rosalind Michael (016-3875540)

Jadual Misa: **Ahad:** TIADA MISA sehingga diberitahu kelak.
Sabtu: TIADA MISA sehingga diberitahu kelak.

Isnin-Jumaat: TIADA MISA sehingga diberitahu kelak.

Pejabat Paroki: **Ditutup semasa PKP.**

Sila e-mel atau whatsapp (017-6907301 luar waktu pejabat)

Sebarang sumbangan atau pemberian (cek atas nama 'Gereja Katolik Good Shepherd' (Affin Bank) A/C No. 1001-9000-7211.

PRAPASKA BERMULA PADA 17 FEBRUARI "TINGGAL DALAM HARAPAN (Saya | Keluarga | Komuniti)"

Tidak akan ada pengenaan atau pengedaran abu yang diberkati semasa PKP 2.0. Keluarga di rumah boleh menggunakan para-liturgi yang melibatkan (i) Liturgi Firman dan (ii) pengenaan abu yang dilakukan oleh anggota keluarga. Abu boleh dibuat

dengan membakar daun palma lama atau daun lain yang tersedia. Para-liturgi & Jalan Salib ini akan diedarkan melalui KED dan paroki masing-masing atau mengakses <http://bit.ly/3rrr0JL>.
(Notis Chancery – 03/02/2021)

UPACARA PEMILIHAN (RITE OF ELECTION)

Upacara Pilihan akan berlangsung pada 21 Februari (Minggu Prapaska pertama) pada jam 3.00 pm, disiarkan secara langsung dari Gereja Good Shepherd,
Setapak : <https://TV.ArchKL.org>. Kita mendoakan mereka semua.

EVERGREENS LENT DONATION 2021 KEPADA 'SANCTUARY CARE CENTRE'

Ministri Evergreen telah merancang aktiviti "outreach" semasa musim Prapaska kepada jiran kita, Home for Children - 'Sanctuary Care Centre' Terdapat kira-kira 60 orang kanak-kanak di bawah jagaan mereka dan ada diantara kita yang mungkin masih ingat sebelum ini kita pernah membantu mereka.

Semua sumbangan (tunai atau perbankkan dalam talian) mesti masuk selewat-lewatnya pada 16/02 yang harus dibayar kepada: 'Gereja Katolik Good Shepherd' (Affin Bank) A / C No. 1001-9000-7211. Sila hantarkan slip bank anda melalui e-mel ke gscsetapak1964@gmail.com atau melalui WhatsApp ke 017-6907301 (Margaret)

PENANGGUHAN MISA DITERUSKAN

Oleh kerana penerusan PKP dari Kerajaan, Misa akan disiarkan secara langsung dari <https://TV.ArchKL.org> dan umat beriman digalakkan untuk mengikuti Misa-Misa ini dengan penuh hormat..
(Notis Chancery – 14/01/2020)

PERSEMBAHAN MISA SEMASA PKP

Boleh dilakukan secara online dan hantarkan slip ke gscsetapak1964@gmail.com. Atau isi slip intensi dan letakkan di dalam kotak di Pejabat. SOP ketat harus dipatuhi sepanjang anda berada dalam Kawasan gereja.

HARI INI-14 FEB ADALAH 'HARI PERKAHWINAN SEDUNIA'

1. Pasangan yang sudah berkahwin di paroki dijemput untuk menyertai Uskup Agung Julian untuk Misa siaran langsung (Tv.ArchKL.org) petang ini 14/02 jam 5.30 pm.
2. Anda juga dijemput untuk menyertai untuk merayakan secara online pada malam ini (14/02) dari jam 8.30 malam hingga 9.30 malam (Zoom 707 708 7099) dengan kata laluan: Valentine

MISA K. AGUNG ONLINE BM DARI GSC

uMAT GSC boleh mengikuti Misa dalam talian BM yang akan dirayakan dari Gereja Good Shepherd pada hari Ahad ke-2 & ke-4 setiap bulan, bermula pada 14/02 (12 t/hari).

GAJET DIGITAL DIPERLUKAN UNTUK KATEKESIS PAROKI

Ministri Katekisme (GSC) kami sedang mencari penderma untuk menyumbang barang terpakai (dan dalam keadaan berfungsi dgn baik) - laptop, i-pad, atau telefon bimbit untuk digunakan dalam kelas katekisme online. Anda boleh menghubungi guru kelas atau Pejabat Gereja (48216332 / 017-6907301).

PROGRAM KEMPEN PRAPASKAH PIHD-BECOT
... anjuran AOHD -BECAT banyak sekali dan akan dijalankan dari 17/02 - 04/04. Butiran ada di halaman sebelah.

PEJABAT PAROKI ditutup ,,, 12-13 Februari untuk CNY